

30/06/2002

Khalid Salleh nafi ... bersara

Ellyna Ali

KETIKA rakyat masih memperkatakan mengenai pengumuman mengejut Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno baru-baru ini, diikuti dengan pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai keputusan peletakan jawatan oleh PM mulai Oktober 2003, aktivis teater Khalid Salleh yang juga Aktor Terbaik Festival Filem Asia Pasifik menerusi filem Jogho juga khabarnya turut membuat kejutan dengan mengambil keputusan untuk bersara dalam dunia teater dan lakonan.

Apakah agaknya yang menyebabkan Khalid atau lebih senang digelar Wak Khalid ini mengambil keputusan seumpama itu? Adakah kerana kekecewaan yang teramat terhadap pelbagai kemelut yang berlaku dalam dunia teater? Atau kerenah birokrasi yang pelbagai dan sikap Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan yang seolah-olah meminggirkan seni budaya dan lebih menumpukan perhatian terhadap industri pelancongan yang lebih banyak mendatangkan keuntungan pada negara? Ikuti luahan hati Wak Khalid seperti yang diceritakan kepada ELLYNA ALI.

ORANG teater mana boleh bersara dan seseorang yang mendakwa dirinya berjiwa seni atau berjiwa teater, mana mungkin dia akan mengambil keputusan begitu. Orang yang involved dalam bidang seumpama ini bukannya seperti orang kerajaan yang ada had umurnya 55 atau 56 tahun untuk bersara. Tapi, ia dibawa sepanjang hayat.

Tak dinafikan, kekecewaan itu tetap ada terutama oleh faktor sekelilingnya. Umpamanya, sikap badan korporat atau Kementerian Kebudayaan sendiri yang sepatutnya diwujudkan untuk mengangkat martabat budaya dan kesenian namun nampaknya tidak dapat merangsang aktivis untuk bergerak inovatif, lebih cergas dan lebih kreatif.

Jadi, faktor kreatif ini juga ada hal yang merangsangnya. Kalau aktiviti teater seolah-olah sekadar melukut di tepi gantang pada akhirnya, orang yang baru nak berjinak-jinak dalam dunia teater pasti akan mencari alternatif lain. Maknanya, hidup ini untuk apa sebenarnya? Pada mulanya, kita fikir hidup ini untuk cari makanlah. Tapi, kerana teater tidak boleh menampung hal begitu, terpaksa dia cari pilihan yang lebih baik.

Punca gosip bersara timbul

(Ketawa...) Itu adalah reaksi spontan yang keluar dari mulut saya berikutan kenyataan PM yang mengambil keputusan mahu meletakkan jawatan daripada parti dan kerajaan. Secara bergurau saya pun kata, "Aku pun nak bersaralah"... Tapi, mungkin orang yang mendengar gurauan saya itu telah menganggap serius dengan reaksi spontan itu. Apapun, saya rasa tak mungkin orang teater atau orang seni secara umumnya bersara dalam bidang ini. Walaupun pada lahiriahnya, mulutnya mengatakan dia mahu bersara, namun jiwanya itu tetap dialiri oleh rasa seni itu.

Budaya teater harus terus digerakkan

Sepanjang pembabitan saya dalam dunia teater, apa yang saya lihat, budaya teater masih belum wujud lagi di Malaysia. Yang berlaku sekarang hanyalah musiman. Apabila ia hanya musiman, kita belum boleh mengkategorikannya sebagai budaya. Sebab, kalau budaya itu ia adalah satu kerja.

Apa yang sedang cuba saya lakukan sekarang ini dengan membawa teater

Pandirnya Si Pandir di seluruh negara adalah untuk mencetus dan menghidupkan budaya teater itu sendiri. Walaupun bermula dengan kelompok kecil, tapi ia berterusan. Maknanya, selepas ia dipersembahkan di Wilayah

Persekutuan, Perlis dan kemudian Sabah, kesinambungan itu akan terus berlaku.

Lagipun, kegiatan teater selalunya dikatakan bergerak di Kuala Lumpur (KL) saja, jadi kita cuba membawa teater ke tempat lain supaya ia merangsang masyarakat di setempat itu untuk mengambil inisiatif untuk mewujudkan budaya teater.

Sambutan menggalakkan di luar KL

Sering kita dengar teater sentiasa mendapat sambutan menggalakkan apabila ia dipentaskan di luar KL. Saya fikir keadaan ini berlaku kerana masyarakat luar KL mungkin menganggap teater itu sesuatu yang baru bagi mereka. Mereka mungkin mahu melihat apa itu sebenarnya teater dan cuba mendekati teater itu. Sebab itu, adalah penting bagi sesuatu teater yang dibawa itu mempunyai sesuatu tarikan untuk mengikat khalayak. Sekiranya tidak, orang akan menganggap teater hanya sebegitu rupa. Ini akan memberikan kesan yang buruk kepada orang yang terkemudian. Orang akan tawar hati melihat teater yang dipersembahkan seterusnya.

Kompromi dengan kerenah pelakon baru

Ya, kebelakangan ini memang saya sering mengambil pelakon baru dalam teater saya. Mungkin ada yang menganggap saya tidak mementingkan lagi mutu lakonan hingga mengambil pelakon yang cetek pengetahuan mengenai teater. Apatah lagi terpaksa berdepan dengan kerenah mereka.

Tapi, kita harus ingat bahawa budaya teater di Malaysia belum wujud. Walau ada kegiatan teater namun budaya itu masih belum wujud. Mereka yang pernah terasuh dan diasuh dalam teater pun meninggalkan teater. Jadi teater tinggal gersang. Tidak ada pekerjanya.

Jadi, dalam hal ini, kita terpaksa bermain diplomasi. Terpaksa hulur, tarik... hulur, tarik. Tapi kalau asyik hulur saja, tak boleh tarik, jawabnya terpaksa melepaskan huluran itu.

Teater Malaysia tak segar mana

Nak kira frust memanglah frust. Tapi, apa boleh buat. Macam suri rumah jugalah. Kadang-kadang, dia juga rasa boring sebab terpaksa lakukan tugas yang sama. Memasak, mencuci dan mengemas.

Dia kalau boleh pun tak mahu buat kerja yang sama setiap hari. Tapi, kalau kita menganggap apa yang kita lakukan itu satu ibadat, jadi kita terpaksa terima.

Tapi, kalau nak cakap pasal frust, iya memang saya frust kerana Kementerian Kebudayaan sejak zaman 60-an sehingga sekarang, tidak ada satu pun peningkatan. Pada hal, zaman 70-an dulu adalah zaman kegemilangan teater. Dulu, sebut saja kumpulan teater di setiap negeri, kita akan rasa kita semua adalah satu kerabat. Tapi, sekarang, aktivis teater bagaikan asing sesama sendiri.

(END)